

400 perniagaan koperasi kredit terjejas

SEREMBAN: Lebih 400 perniagaan koperasi kredit di negara ini terjejas berikutan penularan pandemik Covid-19 sejak Mac lalu.

Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia (Angkasa), Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, ia melibatkan jumlah pengurangan kutipan pembayaran balik sebanyak kira-kira RM50 juta sebulan akibat pelaksanaan moratorium.

"Ketika ini, kami mempunyai 600 koperasi kredit di negara ini namun lebih 400 daripadanya terkesan.

"Kami sepatutnya memperoleh RM1.3 bilion sebulan. Bagaimanapun, berlaku pengurangan sebanyak 30 peratus sejak moratorium dilaksanakan pada April lalu," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas menyampaikan sumbangan menerusi program tanggungjawab sosial korporat (CSR) Coopcare di Bilik Gerakan Kampung Kuala Sawah, Rantau dekat sini semalam.

Pada majlis tersebut, Angkasa menyumbangkan sebanyak 70



ABDUL Fattah (dua dari kanan) menyampaikan sumbangan berupa barangan keperluan kepada mangsa banjir yang terjejas dalam program tanggungjawab sosial korporat Coopcare di Kampung Kuala Sawah, Rantau, Seremban semalam. - MINGGUAN/ZAKKINA WATI AHMAD TARMIZI

pek barangan keperluan kepada anggota koperasi dan penduduk Kampung Kuala Sawah yang terjejas ekoran banjir, 4 November lalu.

Jumlah keseluruhan bernilai RM4,900 diagihkan kepada mangsa banjir yang merupakan anggota Koperasi Keluarga Haji

Sulaiman Berhad, Koperasi Kariah Masjid Taman Rasah Jaya Berhad dan anggota koperasi sekitar Kampung Kuala Sawah.

Menurut Abdul Fattah, selain koperasi kredit, koperasi pelancongan turut mengalami kesan sama namun perniagaan tersebut masih relevan buat masa ini.

"Hal ini kerana pengurusan koperasi boleh menukar strategi perniagaan mengikut kesesuaian semasa. Ini berikutan ahli koperasi merupakan pemegang saham begitu juga polisinya yang ditentukan ahli koperasi sendiri yang berbeza dengan entiti perniagaan lain," katanya.